




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 429 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 32,495 kes. Empat (4) kes kematian dicatatkan iaitu tiga (3) kes di Daerah Sandakan dan satu (1) kes di Daerah Tuaran. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 281 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 29,204 orang. Sejumlah 1,846 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 609 orang di hospital dan 1,237 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dari zon merah ke zon jingga

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Tawau iaitu Kluster Bukit Gemuk mencatatkan dua (2) kes hari ini menjadikan kumulatif 10 kes. Kluster ini dikesan melalui saringan kontak dari indeks yang bergejala.
- 5 Jumlah kes yang tinggi hari ini juga berpunca dari saringan Kluster Rumah Merah di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal yang merekodkan sebanyak 112 kes.
- 6 Daripada 429 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 213 kes (49.7%) adalah berpunca dari saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada, 124 kes (28.9%) dari saringan kontak rapat di 14 daerah, saringan bergejala 44 kes (10.8%), saringan komuniti 23 kes (5.3%) dan 25 kes (5.8%) adalah dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,566 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,595 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.99%.

## **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **294,740** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 22 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 189 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

#### D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.96%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	98.6%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

#### E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis di lima (5) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Semporna, Keningau, Kinabatangan dan Tawau.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 38 lokasi di 8 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
12 Disember 2020**